



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/07/2012



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan peserta seminar pada majlis sambutan IKIM ke-20 di Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam.

Saya tak tahu erti 'Mahathirisme' - Pak Lah

UM-11/7/2012

KUALA LUMPUR 10 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan, beliau tidak mengetahui dan memahami maksud sebenar yang dikatakan sebagai 'Mahathirisme'.

Ini kerana katanya, sebaik sahaja mengambil alih tampuk pemerintahan negara, beliau menumpukan dasar-dasar sedia ada seperti Wawasan 2020 dan tidak sepatutnya soal beliau menamatkan legasi 'Mahathirisme' ditimbulkan.

Jelasnya, sebagai Perdana Menteri, beliau telah menekankan beberapa misi baru dan terbaik bagi

memastikan matlamat yang digariskan tercapai.

"Saya sendiri tidak tahu apa sebenarnya yang dikatakan sebagai 'Mahathirisme' ini, jadi bagaimana pula saya dikatakan telah memastikannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini hari ini.

Semalam, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempersoal tindakan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang berterusan mengisytiharkan 'niat' untuk me-

lawan legasi yang digelar sebagai 'Mahathirisme' menerusi laman blognya, <http://chedet.cc>.

Menerusi blognya itu, Dr. Mahathir turut memberitahu, beliau sendiri tidak memahami erti 'Mahathirisme' tetapi menyifatkan ia merupakan sesuatu yang menakutkan dalam pemikiran Kit Siang kerana baginya, 'Mahathirisme' telah mati selepas Abdullah mengambil alih pentadbiran negara pada 2003.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, setiap pemimpin mempunyai cara dan pendekatan tersendiri dalam menerajui kepimpinan.